

23/04/2000

Kelas agama jadi program rasmi

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersetuju menjadikan kelas pengajian agama di jabatan kerajaan sebagai program rasmi dan dijalankan pada waktu kerja.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata selama ini kelas pengajian itu dijalankan pada waktu rehat oleh badan kebajikan.

Katanya, keputusan itu dibuat atas persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kebanyakan isi kandungan kelas pengajian itu tidak menyeluruh dan tidak disusun dengan sempurna.

"Selama ini kelas agama dianjurkan oleh badan kebajikan dan penceramah juga datang secara sukarela tanpa ada tajuk khusus untuk disampaikan.

"Dengan persetujuan Perdana Menteri, kelas seperti itu akan dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) supaya penyampaiannya lebih tersusun dan menyeluruh dengan menekankan keperluan umat Islam bekerja bersungguh-sungguh membangunkan negara," katanya.

(END)